



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN  
PERIKANAN MALAYSIA  
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**15 Februari 2022  
13 Rejab 1443H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	• Kegiatan pukat sorong, bubu naga jeaskan pendapatan nelayan
Berita Harian	•
Harian Metro	•
Kosmo !	•
Sinar Harian	•
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysiakini	•
Bernama	•
Borneo Post (Kuching)	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI <i>Sabah Media</i>		
KATEGORI LIPUTAN : POSITIF				NEGATIF		NEUTRAL		32      15/2/2022

## Kegiatan pukat sorong, bubu naga jeaskan pendapatan nelayan

**YAN:** Lebih 80 nelayan pantai di pangkalan Singkir Laut di sini mendakwa pendapatan mereka terjejas apabila kegiatan pukat sorong dan bubu naga yang didakwa semakin berleluasa di sekitar perairan ini sejak setahun lalu.

Nelayan yang menggunakan pukat sorong dan bubu naga yang telah lama diharamkan itu dipercayai membabitkan penduduk tempatan.

Mereka didakwa aktif menjalankan operasi menangkap hasil laut itu pada awal malam hingga ke pagi.

Nelayan, Mohd. Azli Osman, 52, berkata, kegiatan pukat sorong itu juga didapati merosakkan ekosistem dan sumber perikanan di perairan tersebut.

"Boleh dikatakan sebahagian besar nelayan pantai me-

ngalami kerugian kerana pukat mereka rosak atau hilang akibat penggunaan pukat haram itu dan keadaan tersebut menyebabkan nelayan pantai mengalami kekurangan hasil tangkapan.

"Walaupun aduan mengenai kegiatan tersebut dibuat seiring dilaporkan kepada pihak berkuasa, namun, kegiatan haram itu masih berleluasa," katanya ketika ditemui di Singkir Laut di sini semalam.

Nelayan, Sadam Rusli, 30, berkata, dia sebelum ini memperoleh pendapatan kira-kira RM150 setiap kali melakukan kerja-kerja memukat ketam, udang dan ikan senangin.

"Bagaimanapun, sejak aktiviti pukat sorong dan naga bubu dikesan di perairan ini, kami ada kalanya pulang dengan tangan kosong," ujarnya.



SADAM Rusli (kiri) menunjukkan hasil tangkapan laut yang kurang di pangkalan Singkir Laut, Sungai Petani semalam. - UTUSAN/OTHMAN YAHAYA